

# Tun disiasat secara bebas, berkecuali

## Tindakan seperti termaktub dalam Akta SPRM 2009

roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Siasatan ke atas bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dilaksanakan agensi itu sendiri secara bebas dan berkecuali, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kes itu bukan pemasalahan yang harus dibangkitkan kepada beliau kerana tindakan suruhanjaya berkenaan dilaksanakan seperti termaktub dalam Akta SPRM 2009.

Beliau mengakui, persepsi campur tangan Perdana Menteri tidak dapat dielak kerana kes itu membabitkan tokoh politik terkenal, namun segalanya tetap terikat pada fakta dan undang-undang.

Menjawab soalan Senator Datuk A Kesavadas pada sidang Dewan Negara mengenai sejauh mana SPRM serius menyiasat perilaku rasuah dan salah guna kuasa bekas-bekas Perdana Menteri, Anwar berkata, SPRM perlu sentiasa menjalankan tanggungjawab dan tugas secara be-

bas dan Berkecuali.

Katanya, ia termasuk siasatan terhadap tokoh politik dan bekas pemimpin negara, sejajar peranan suruhanjaya berkenaan melaksanakan tugas berlandaskan prinsip keadilan dan undang-undang.

“Yang anggap ini tuduhan bermotif politik perlu lihat kepada fakta, bukan mengelirukan rakyat. Kalau nyata siasatan ada terhadap kes berprofil tinggi dan alasan cukup kukuh untuk mendakwa, maka itu tugas SPRM dan Jabatan Peguam Negara,” katanya, semalam.

### **Beri sokongan padu**

Sepatutnya, Perdana Menteri berkata, masyarakat, termasuk Ahli Dewan Negara memberi sokongan yang padu terhadap usaha membersihkan negara daripada ‘penyakit’ rasuah.

Anwar yang bimbang dengan sikap sesetengah pihak yang menyatakan tindakan diambil SPRM adalah atas motif politik dan sebagai bahan politik, melihatnya sebagai bahaya kepada negara.

“Saya ingin beri jaminan, dalam Kerajaan Perpaduan, arahan saya jelas. Semua pihak perlu bertindak dengan tegas supaya ‘barah’ rasuah ini dapat dihapuskan,” katanya mencabar mereka yang membuat dakwaan demikian supaya mengemukakan aduan untuk siasatan lanjut.

Sabtu lalu, SPRM memaklumkan akan meneliti unsur kesa-

lahan rasuah berhubung dakwaan pemberian kontrak gentian optik RM214.2 juta kepada syarikat yang dikaitkan dengan Dr Mahathir dan siasatan akan dijalankan sekiranya asas itu wujud mengikut kesalahan rasuah.

Terdahulu pada Jumaat, Anwar mendakwa Telekom Malaysia Berhad (Telekom) mengeluarkan surat meminta kebenaran mengadakan rundingan terus dengan Opcom Sdn Bhd (Opcom) bagi pembekalan kabel fiber optik bernilai RM214.2 juta.

Surat itu dikeluarkan kepada Kementerian Kewangan pada 15 September 2003, yang mana Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu adalah Dr Mahathir, manakala anak ketiganya, Datuk Seri Mukhriz adalah Pengarah Opcom.

Menerusi pembelaan terhadap saman oleh Dr Mahathir, Anwar berkata, Telekom syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang mana Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), memegang satu saham khas yang memberi MKD kuasa untuk menolak keputusan lembaga dan pemegang saham lain.

Menegaskan kaedah SPRM adalah, akan menyiasat jika ada aduan, Perdana Menteri berkata, beliau mengarahkan semua badan siasatan termasuk SPRM, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), polis dan Bank Negara menjalankan tugas secara profesional tanpa rasa takut dan pilih kasih.